

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 APRIL 2023  
AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 1 (STARBIZ)

## MITI lancar kerangka kerja ESG akhir tahun ini

### MITI lancar kerangka kerja ESG akhir tahun ini

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bakal melancarkan kerangka kerja baharu di bawah industri alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) pada akhir tahun ini.

Menurutnya, Tengku Dato' Seri Zafirul Aziz, berkata pelancaran rangka kerja baharu itu akan membandu syarikat untuk memahami kaelah berlih kepada tenaga boleh diperbaharui (RE), terutamanya membabitkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang bukan sahaja memerlukan bantuan kewangan, tetapi pembinaan kapasiti.

"Ketika ini, banyak pasaran ekspor kita yang meminta pengeksport muapunya garis masu untuk memenuhi kepatuhan ESG. Jadi, jika produk tidak patuh ESG, mereka tidak boleh mengasarkanannya ke pasaran berkenaan.

"Justeru, kita perlu menyediakan syarikat kita terutamanya PKS untuk patuh dengan keperluan ESG," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Sistem Simpanan Tenaga Bateri (BESS) untuk RE buatan Malaysia yang pertama di Bangi, semalam.

Terdahulu dalam ucapan pelancarannya, Tengku Zafirul berkata, kehadiran BESS boleh menjadi salah satu inisiatif utama di bawah Dasar Automotif Negara 2020 untuk menyokong pembangunan Pusat Keboleholoperasian Kenderaan Elektrik (EVIC).

Katanya, ini akan selanjutnya mempertingkatkan integrasi grid pintar antara EV dan infrastruktur di Malaysia.

"Perkembangan ini akan menyokong kedua-dua industri hulu dan hilir selain melengkapkan bekalan bateri, minta guna semula bateri, penjanaan kuasa dan inisiatif pengurangan karbon."

"Perkembangan ini juga akan menyokong hala tuju Dasar Tenaga Negara 2022-2040, yang banyak bergantung pada penerimaan RE dan peralihan tenaga negara dari pada pergantungan bahan api fosil," katanya.